

RABU | 20 Julai 2022 | 20 Zulhijah 1443H

# Penganugerahan projek bernilai RM1.425 bilion

**KUCHING:** Sarawak Metro Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) menganugerahkan kontrak Sistem Pakej Sistem 1 Projek Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) kepada EPR Mobilus GR JV Sdn Bhd.

Kontrak bernilai RM1.425 bilion itu melibatkan pembekalan *rolling stock*, yang terdiri daripada Transit Aliran Autonomi (ART) kuasa hidrogen, peralatan depot, kenderaan penyelenggaraan, sistem isyarat dan kawalan serta pagar platform automatik.

Sarawak Metro dalam satu kenyataan semalam berkata, menerusi kontrak berkenaan EPR Mobilus GR JV bekerjasama dengan banyak industri seperti CRRC Zhuzhou Institute Company Limited dan CIMC-Hexagon Hydrogen Energy Systems Limited (pembekal kenderaan ART berkuasa hidrogen).

Selain itu, ia juga melibatkan Thales (pembekal sistem isyarat dan kawalan), Fangda Innotech

Company Limited (pembekal gerbang platform automatik), dan DOM Industries (M) Sdn Bhd dan CRRC Zhuzhou Institute Company Limited (pembekal peralatan pangkalan dan kenderaan penyelenggaraan).

Surat anugerah itu disampaikan kepada EPR Mobilus GR JV - usaha sama antara EPR (Kuching) Sdn Bhd, Mobilus Sdn Bhd dengan Global Rail Sdn Bhd, pada 18 Julai lalu disaksikan Menteri Pengangkutan Sarawak Datuk Seri Lee Kim Shin mewakili Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Menurut Abang Johari, Sarawak sedang bergerak selangkah ke hadapan kerana sistem ART akan dikuasakan oleh hidrogen - selaras agenda hidrogen hijau Sarawak dan pembangunan ekonomi hidrogen Sarawak.

Katanya, sistem ART berkuasa hidrogen adalah sejajar dengan aspirasi Sarawak untuk mempunyai penyelesaian pengangkutan awam yang mampan yang menangani isu

perubahan iklim.

"Sama seperti kami menjadi pelopor dalam pembangunan ekonomi digital kami, kami juga pelopor dalam ekonomi hidrogen.

"Aplikasi hidrogen untuk mengubah sistem pengangkutan awam kita adalah bukti komitmen kerajaan Sarawak ke arah meningkatkan lagi sosio-ekonomi negeri ini," katanya dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Lee.

Abang Johari berkata, Kerajaan Sarawak ini turut meluluskan cadangan Sarawak Metro untuk Fasa Satu projek KUTS bagi memasukkan laluan baharu ke arah Santubong.

Penjajaran dicadangkan itu dibuat dengan mengambil kira rancangan pembangunan masa depan untuk kawasan Santubong dan potensi kawasan itu bagi merancang lagi pembangunan pelancongan dan riadah.

"Walaupun panjang jajaran baharu ini akan mengambil masa kira-kira 20km lebih, kita berjaya mengekalkan kos keseluruhan



**TAHNIAH...** Kim Shin mewakili Premier Sarawak menyaksikan penyerahan kontrak kepada EPR Mobilus GR JV Sdn Bhd, di Kuching.

projek di bawah RM6 bilion melalui inisiatif kejuruteraan nilai berterusan Sarawak Metro," katanya.

Abang Johari berbesar hati Kontraktor Pakej Sistem 1 juga memberikan komitmennya untuk menambah nilai Projek KUTS melalui Program Pembangunan Sosio-Ekonomi Sarawak Metro Sarawak (SEED) untuk membangunkan modal insan dan rantaian bekalan, ke arah memastikan kemampanan dan jangka panjang kejayaan jangka masa operasi ART.

"Besarnya harapan saya melalui

inisiatif sebegini, generasi baharu anak muda Sarawak akan dapat menimba ilmu dan kemahiran baharu untuk memainkan peranan bermakna dalam industri baharu ini melalui sektor pengangkutan awam moden dan hijau.

"Dengan wujudnya kumpulan tenaga kerja mahir dalam sektor ini, saya yakin pada masa hadapan, rakyat Sarawak ini bukan sahaja akan menyumbang kepada industri di Sarawak tetapi mereka juga akan dicari pemaaju dan pengusaha sistem pengangkutan awam dari bandar seluruh negara dan rantau ini," katanya.

## Teruskan projek